

### **Bahagian A**

[50 markah]

*Jawab mana-mana lima soalan daripada bahagian ini*

- 1 (a) Jelaskan ciri-ciri perkongsian liabiliti terhad (PLT). [3 markah]  
(b) Gambar 1 berkaitan satu bentuk pemilikan perniagaan.



Gambar 1

Terangkan kelebihan bentuk pemilikan perniagaan tersebut. [4 markah]

- (c) Maklumat berikut berkaitan sebuah perniagaan.

Kedai Roti Aleeza merupakan sebuah kedai roti yang beroperasi di Petaling Jaya, Selangor. Sambutan yang menggalakkan membuatkan pemiliknya, membuka cawangan lain di Klang, Puchong dan Kajang.

Huraikan skala perniagaan tersebut.

[3 markah]

2 (a) Gambar 2 berkaitan dengan sebuah agensi kerajaan.



Gambar 2

Jelaskan peranan agensi tersebut bagi membantu perniagaan. [6 markah]

(b) Maklumat berikut berkaitan objektif perniagaan Go Connect Communication Enterprise.


- Sasaran pengeluaran telefon sebanyak 80 000 unit setiap bulan
- Meningkatkan keuntungan sebanyak 20% setahun

Terangkan ciri objektif perniagaan tersebut. [4 markah]

3 (a) Jelaskan peranan bahagian fungsian berikut:

- |                  |            |
|------------------|------------|
| (i) Pembelian    | [2 markah] |
| (ii) Pengeluaran | [2 markah] |

(b) Rajah 1 menunjukkan interaksi antara AR Farmaseutikal Bhd dengan organisasi luar.



Rajah 1

Jelaskan interaksi tersebut.

[6 markah]

- 4 (a) Dialog berikut berkaitan faedah yang diterima dalam sistem penggajian.

Pengurus Jualan	:	Kalau awak dapat jual sebuah kereta, syarikat akan beri 1% daripada harga jualan kereta kepada awak, Abu.
Abu	:	Baik tuan. Saya akan cuba jual lebih daripada sebuah kereta dalam minggu ini.

Huraikan jenis faedah tersebut.

[3 markah]

- (b) Gambar 3 menunjukkan situasi di kilang pengeluar tudung jenama Sinari Hijab.



Gambar 3

- (i) Bagaimanakah pemilik kilang tersebut menguruskan sumber teknologinya?  
[4 markah]
- (ii) Mengapakah sumber teknologi di 4 (b) (i) perlu diuruskan dengan baik?  
[3 markah]

- 5 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan jenis sumber pembiayaian.

Syarikat Pembinaan Danial mendapat kontrak untuk menyiapkan dua buah blok asrama sebuah sekolah di Sabak Bernam, Selangor. Projek ini perlu disiapkan dalam tempoh dua tahun. Syarikat memerlukan beberapa buah jentera berat seperti jentolak dan mesin pengadun konkrit. Syarikat bercadang menyewa jentera tersebut tanpa memilikinya.

Jelaskan jenis pembiayaian tersebut.

[5 markah]

- (b) Mengapa penyata kewangan diperlukan untuk membantu usahawan dalam operasi kewangan perniagaan?

[5 markah]

- 6 (a) Huraikan kelebihan berniaga sebagai satu peluang kerjaya. [3 markah]
- (b) Gambar 4 menunjukkan perbualan dua orang rakan berkaitan prosedur pendaftaran sebuah entiti perniagaan.



Gambar 4

Sekiranya anda adalah Haziq, jelaskan prosedur tersebut. [4 markah]

- (c) Jelaskan kepentingan menyediakan rancangan perniagaan kepada seseorang usahawan. [3 markah]

## **Bahagian B**

[30 markah]

*Bahagian ini mengandungi tiga soalan. Jawab dua soalan.*

- 7 Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah perniagaan.

Puan Hadeela merupakan seorang pereka fesyen. Beliau mengambil keputusan untuk menubuhkan Syarikat Al Eeda Sdn. Bhd. Visi syarikat ialah “Menjadi pengeluar busana Muslimah utama di Selangor”. Visi ini dijangka dapat dicapai dengan sumber pembiayaan dari Tekun Nasional dan tenaga kerja yang berkemahiran. Pekerja-pekerja syarikat diberikan tempat tinggal dan pelbagai kemudahan sampingan. Puan Hadeela sentiasa memberikan latihan berterusan kepada pekerjanya untuk memastikan produk yang dikeluarkan berkualiti. Namun begitu, pekerja-pekerja ini sering merungut kerana beban kerja yang banyak. Hasrat syarikat untuk mendapat sumber pembiayaan Tekun Nasional pula tidak tercapai kerana gagal memenuhi beberapa syarat.

- (a) Mengapakah Puan Hadeela memilih bentuk pemilikan perniagaan tersebut?  
[5 markah]
- (b) Terangkan peranan pengurusan sumber manusia yang diamalkan dalam perniagaan tersebut.  
[4 markah]
- (c) Bagaimanakah faktor dalaman mempengaruhi syarikat mengubah visi perniagaannya.  
[6 markah]

- 8 Maklumat berikut berkaitan dengan aplikasi teknologi yang digunakan oleh sebuah perniagaan.

Puan Maryam baharu sahaja memulakan perniagaan menjual pakaian kanak-kanak secara dalam talian. Puan Maryam perlu menggunakan aplikasi teknologi maklumat yang sesuai untuk perniagaan beliau. Justeru itu, Puan Maryam bercadang untuk mengambil seorang pekerja. Beliau memerlukan graduan dalam bidang teknologi maklumat. Selain itu, calon yang pernah bekerja di kedai pakaian bayi akan diberikan keutamaan.

Puan Maryam telah mendaftarkan perniagaannya di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dengan menggunakan nama Pakaian Geboo Enterprise. Namun begitu, seorang rakananya berminat untuk melaburkan modal dalam perniagaannya sebagai rakan kongsi. Puan Maryam bersetuju. Oleh itu, beliau perlu mengubah maklumat pemilikan perniagaannya daripada milikan tunggal kepada perkongsian.

- (a) Jelaskan aplikasi teknologi maklumat yang digunakan oleh Puan Maryam.  
[5 markah]
- (b) Terangkan kemahiran kebolehkerjaan pekerja yang diperlukan oleh Puan Maryam.  
[4 markah]
- (c) (i) Apakah tanggungjawab yang perlu dipatuhi oleh Puan Maryam apabila mengubah bentuk pemilikan perniagaan daripada milikan tunggal kepada perkongsian?  
[2 markah]
- (ii) Selain daripada tanggungjawab di 8(c) (i), jelaskan tanggungjawab lain yang perlu dipatuhi oleh Puan Maryam setelah mendaftarkan perniagaannya.  
[4 markah]

- 9 Maklumat berikut diperoleh daripada penyata kewangan Perniagaan Bahulu Cottage yang diusahakan oleh Encik Yaakob.


<b>Butiran</b>	<b>Tahun 2020 (RM)</b>	<b>Tahun 2021 (RM)</b>
Untung Kasar	160 000	191 000
Jualan Bersih	192 000	210 000
Untung Bersih	135 000	155 000

- (a) Bedasarkan margin untung bersih, bagaimanakah prestasi Perniagaan Bahulu Cottage? [6 markah]
- (b) Encik Yaakob bercadang untuk membeli dua unit mesin bahulu semi auto dari Zull Design Autotronic bagi mempertingkatkan pengeluaran bahulu dengan membayar wang pendahuluan.  
Cadangkan jenis pembiayaan luaran yang sesuai dengan keperluan Encik Yaakob.  
Berikan justifikasi anda. [5 markah]
- (c) Jelaskan strategi pemasaran dari aspek agihan yang boleh digunakan oleh Encik Yaakob. [4 markah]

**Bahagian C**  
[20 markah]  
*Soalan ini wajib dijawab.*

- 10 Encik Alwi seorang pesara tentera telah membuka sebuah ladang arnab berkonsep zoo mini untuk tujuan pelancongan dan pendidikan (*edutourism*). Beliau mula mengusahakan ladang ini dengan modal pesaraannya sebanyak RM50 000 di atas tanah milik keluarga beliau di Bukit Cherakah. Ladang ini mempunyai 7 orang pekerja sepenuh masa dan didaftarkan dengan nama Zoo Mini Lala.

Untuk menarik lebih ramai pengunjung, Encik Alwi telah menambah beberapa spesis burung, ayam dan kura-kura. Beliau juga menanam pokok-pokok herba untuk meningkatkan lagi pengetahuan tentang alam sekitar. Zoo Mini Lala menerima ramai pengunjung terutama semasa cuti hujung minggu dan cuti sekolah. Peningkatan jumlah pengunjung begitu ketara setelah insentif kerajaan untuk menggalakkan pelancongan tempatan diperkenalkan. Melalui insentif ini, mereka yang melancong di dalam negara akan mendapat pelepasan cukai.. Berikut adalah hasil jualan tiket sepanjang enam bulan pertama 2022



Perkembangan ini telah menaikkan semangat Encik Alwi. Memandangkan modal yang ada mencukupi, beliau bercadang membuka lagi zoo mini di Puncak Alam, Selangor. Beliau telah mengenal pasti sebidang tanah yang boleh dibeli untuk tujuan tersebut. Isteri beliau mengingatkan bahawa selain modal, mereka juga perlu mempertimbangkan faktor lokasi yang dipilih.

Baru-baru ini lima ekor spesies burung berharga didapati hilang dari sangkar masing-masing. Setelah diteliti didapati ada beberapa bahagian sangkar telah rosak dan membolehkan burung-burung tersebut terlepas keluar. Selain itu, beberapa ekor ayam

hutan telah dikesan menghidap sakit mata. Keadaan sangkar yang tidak bersih menyebabkan penyakit itu menular dengan pantas kepada ayam-ayam lain. Sangkar-sangkar ini perlu dikosongkan untuk kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan. Hal ini mendarangkan rungutan di kalangan pengunjung. Ramai yang menyuarakan ketidakpuasan hati mereka dengan memberikan ulasan yang tidak memuaskan di media sosial. Encik Alwi perlu mengambil tindakan segera untuk mengatasi masalah tersebut.

Berdasarkan kes tersebut, jawab soalan-soalan berikut:

- (a) Terangkan klasifikasi perniagaan tersebut. [2 markah]
- (b) Bagaimakah faktor luaran mempengaruhi hasil jualan perniagaan? [4 markah]
- (c) Bersejukkah anda dengan cadangan Encik Alwi?  
Kemukakan alasan anda. [4 markah]
- (d) Anda merasakan Encik Alwi gagal menguruskan sumber fizikalnya dengan baik.  
Berikan pendapat anda. [5 markah]
- (e) Selain daripada strategi pemasaran, cadangkan tindakan segera yang perlu diambil oleh Encik Alwi. [5 markah]

### **KERTAS SOALAN TAMAT**

